

17 FEB 2003

NAM-Mahathir (Pengerusi)/I

MALAYSIA PUNYA KEYAKINAN MEMIMPIN NAM

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Malaysia berkeyakinan untuk memimpin Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dengan 114 anggota bagi tempoh tiga tahun akan datang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kami berkeyakinan bahawa kami boleh memimpin NAM bagi tempoh tiga tahun akan datang," katanya semasa ditanya mengenai kenyataan Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki bahawa Kuala Lumpur sememangnya layak untuk mengambilalih sebagai pengerusi pergerakan itu.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan raptai perasmian Sidang Kemuncak NAM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Mbeki dilaporkan sebagai berkata bahawa Afrika Selatan gembira Malaysia dapat menjadi tuan rumah sidang kemuncak itu dan Dr Mahathir boleh memberikan kepimpinan yang diperlukan bagi pergerakan itu untuk menghadapi cabaran semasa.

Mbeki akan menyerahkan jawatan pengerusi NAM kepada Dr Mahathir pada Sidang Kemuncak NAM ke-13, yang akan diadakan dari 20 hingga 25 Feb di PWTC.

Malaysia akan mempengerusikan pergerakan itu selama tiga tahun sehingga sidang kemuncak NAM ke-14 diadakan.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai kenyataan Menteri Luar Singapura Prof S. Jayakumar yang menyifatkan Dr Mahathir sebagai penglipur lara selepas pendedahan Perdana Menteri bahawa rakan sejawatannya Goh Chok Tong tidak bersetuju terhadap pembinaan sebuah jambatan baru untuk menggantikan Tambak Johor kerana Goh menyimpan rasa nostalgia terhadap tambak itu.

"Tak apalah itu komen dia," kata Dr Mahathir.

Menjawab satu soalan bahawa masalah hubungan dua hala Malaysia-Singapura merupakan satu cerita yang tiada penghujungnya, Dr Mahathir berkata: "Ya...tetapi saya tidak akan meneruskan cerita ini."

Pada Jumaat lepas semasa lawatan kerjanya ke Johor, Dr Mahathir berkata Malaysia akan meneruskan pembinaan sebuah jambatan baru di sebelah Johor walaupun tidak mendapat kerjasama Singapura.

Beliau juga mendedahkan bahawa beliau telah memberitahu Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew bahawa Goh tidak berminat terhadap projek itu.

"Disebabkan beliau (Goh) mempunyai perasaan nostalgia terhadap Tambak Johor, beliau (Lee) berkata kita (Malaysia dan Singapura) boleh membina jambatan itu selepas persaraan Goh Chok Tong...ini yang dikatakan beliau (Lee) kepada saya," Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata.

Mengenai cadangan supaya perhimpunan agung Umno yang dijadual pada Jun ditangguhkan sehingga Oktober, Dr Mahathir berkata: "Saya tak nampak apa sebab kita patut tangguh perhimpunan sehingga Oktober."

Penulis komentar Awang Selamat dalam ruangan "Bisik-bisik Mingguan" akhbar Mingguan Malaysia semalam menyarankan supaya perhimpunan agung Umno tahun ini ditangguhkan sehingga Oktober.

Awang Selamat menulis sekiranya perhimpunan itu ditangguhkan ke bulan Oktober, ia akan membolehkan Umno mengatur satu majlis perpisahan yang penuh bererti buat pemimpin mereka yang juga pemimpin negara yang dihormati dan dikagumi itu.

Cadangan penangguhan perhimpunan agung itu bertujuan menjadikannya sebagai acara penting yang terakhir untuk Dr Mahathir sebelum beliau mengundur diri.

Dr Mahathir telah mengumumkan bahawa beliau akan meletakkan semua jawatan dalam kerajaan dan parti pada Oktober, selepas Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

-- BERNAMA

HS MFJ RON